

Selasa, Ogs 22 2017



Johari (dua dari kanan) pada majlis perasmian Sidang Kemuncak Pengarah Antarabangsa 2017 (IDS 2017) di Kuala Lumpur, semalam.

Ekonomi Malaysia

BH 22/8

Kian berdaya tanan

➔ Pertumbuhan mampu lepasi sasaran hasil prestasi kukuh

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pertumbuhan ekonomi Malaysia mampu meningkat melepasi sasaran pada tahun ini bersandarkan kepada prestasi kukuh yang dicatat pada separuh pertama.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani, berkata meskipun berdepan kesan ketidakpastian luaran, ekonomi negara kekal mencatatkan pertumbuhan yang baik berbanding beberapa negara di rantau ini.

Beliau berkata, ekonomi Malaysia kini semakin berdaya tahan dan kukuh hasil transformasi yang dilaksanakan sejak beberapa tahun lalu.

Katanya, momentum pertumbuhan kukuh yang dicatatkan pada separuh pertama tahun ini dijangka berterusan pada separuh kedua tahun ini jika tiada

sebarang peristiwa besar berlaku di peringkat global.

“Buat masa ini, kita (kerajaan) belum membuat semakan semula (unjuran ekonomi bagi 2017).

“Pertumbuhan suku pertama 5.6 peratus dan 5.8 peratus pada suku kedua (tahun ini), saya jangka kita mampu mencatat prestasi lebih baik daripada unjuran (rasmi) asal, iaitu 4.3 hingga 4.8 peratus bagi keseluruhan tahun ini,” katanya ketika ditemui selepas menyampaikan ucapan dan merasmikan Sidang Kemuncak Pengarah Antarabangsa 2017 (IDS 2017) di Kuala Lumpur, semalam.

Kekal kemampanan pertumbuhan ekonomi

Johari berkata, kerajaan akan terus menyelesaikan isu berkaitan keterangkuman, tadbir urus dan kemampanan pembangunan ekonomi bagi mengekalkan kemampanan pertumbuhan

ekonomi negara pada masa depan.

“Kita akan pastikan sebarang pembangunan yang dijalankan di negara ini perlu terangkum merentasi seluruh negara.

“Untuk berbuat demikian, pelaburan dalam infrastruktur awam sangat penting. Kalau tidak, kita tidak akan dapat memastikan mereka yang tinggal di luar bandar meraih manfaat daripada kemajuan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi,” katanya.

Menyentuh mengenai ringgit, Johari berkata, mata wang tempatan kini dilihat kembali stabil, berikutan langkah menstabilkan ringgit yang dilaksanakan Bank Negara Malaysia, baru-baru ini.

Namun begitu, beliau berkata, faktor yang mempengaruhi ringgit masih ada seperti ketidakpastian yang menyelubungi kadar faedah Amerika Syarikat (AS), pertumbuhan ekonomi China dan harga komoditi.